

**PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN KE ARAH MEMPENGARUHI
KECENDERUNGAN MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN DALAM
KALANGAN BAKAL GRADUAN DI UTHM**

FARHANA BINTI MOHD ROSLI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**Jabatan Ikhtisas Pendidikan
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

JANUARI 2013

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Perkataan usahawan mula diperkenalkan dalam tahun 1970 iaitu semasa pelancaran Dasar Ekonomi Baru. Ianya bukanlah satu perkara yang baru kepada kita. Pada masa zaman melayu Melaka, mereka yang melibatkan diri dalam bidang perniagaan dipanggil sebagai pedagang manakala pada tahun 1900an mereka dikenali sebagai peniaga. Perkataan usahawan mempunyai erti yang sama dengan perkataan Inggeris 'entrepreneur'. Perkataan 'entrepreneur' berasal dari perkataan Perancis, 'entreprendre' yang bererti memikul tugas atau tanggungjawab. Perkataan 'entrepreneur' telah digunakan semenjak tahun 1775 oleh Richard Cantillon yang merujuk kepada kegiatan dalam keusahawanan.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mentakrifkan usahawan sebagai orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan iaitu pengusaha. Pengusaha dimaksudkan sebagai pekerjaan secara besar-besaran untuk membuat barang-barang industri atau pekerjaan berniaga secara besar-besaran. *The Encyclopedia Americana International Edition* memberi maksud usahawan sebagai ahli perniagaan yang mengambil risiko menggabungkan faktor pengeluaran termasuk modal, buruh, bahan dan menerima ganjaran melalui keuntungan daripada nilai pasaran barangannya. *Webster's Third New International Dictionary* pula mentakrifkan usahawan sebagai orang yang mengurus

suatu kegiatan ekonomi terutamanya mengelola, memiliki, mengurus dan menanggung risiko sesuatu perniagaan.

McClelland dan Atkinson (1961) menyatakan usahawan sebagai berdaya inovatif dan mengharapkan pencapaian yang tinggi (*need for high achievement*). Usahawan berjaya cenderung ke arah mengambil risiko yang telah direncanakan dan mempunyai kawalan dalaman yang tinggi. Schumpeter (1934), mentakrifkan usahawan sebagai individu yang melakukan pembaharuan atau inovasi untuk kesejahteraan organisasinya sendiri. Beliau menyatakan terdapat beberapa pembaharuan yang dilakukan oleh individu usahawan tersebut. Carland et. al, (1984). mendefinisikan usahawan sebagai individu yang menubuhkan perniagaan dan menguruskannya untuk mendapatkan untung dan untuk terus berkembang.

Kesimpulannya, boleh kita nyatakan bahawa usahawan adalah seorang yang mengambil risiko memulakan atau menubuhkan sesuatu perniagaan atau perusahaan dan mengusahakannya. Seseorang yang telah memulakan perniagaan atau telah membeli perniagaan yang dimulakan oleh orang lain juga dikenali sebagai usahawan. Usahawan juga adalah seorang pengurus yang menerajui perniagaannya dan dapat menuntut hak keempunyaan ke atas perniagaan tersebut. Oleh itu ia menanggung risiko perniagaan. Usahawan mempunyai wawasan dan mengembangkan perniagaan untuk kemakmuran masyarakat. Ia adalah seseorang yang inginkan kebebasan dalam perniagaan, membuat keputusan sendiri dan seterusnya ingin berjaya atas usaha sendiri.

1.2 Pendidikan Keusahawanan

Bidang keusahawanan dikatakan penting bagi melahirkan lebih ramai usahawan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menjalani perniagaan. Oleh yang demikian, para pelajar telah didedahkan dengan pendidikan keusahawanan bermula dari bangku sekolah lagi supaya menimbulkan minat seseorang dalam bidang keusahawanan melalui pendidikan formal dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup di tingkatan 1-3 dan subjek Perdagangan di tingkatan 4 dan 5. Walaubagaimanapun, pendidikan

keusahawanan juga boleh dipelajari apabila berada di Institusi Pengajian Tinggi supaya pengetahuan dalam bidang keusahawanan menjadi semakin berkembang dalam diri seseorang. Manakala menurut Ishak, Ahmad, Isnaini dan Ismail (2011), pendedahan dalam dunia keusahawanan bukan sahaja tertumpu kepada golongan dewasa malahan golongan kanak-kanak diperingkat sekolah rendah lagi.

Bidang keusahawanan di Malaysia sangat berkembang hasil daripada bantuan pelbagai pihak yang tertentu dalam memberi ruang kepada usahawan untuk menyertai aspek keusahawanan ini. Jika dilihat peranan kerajaan amat penting dalam melahirkan usahawan yang berjaya yang mempunyai latar belakang pendidikan keusahawanan melalui bantuan sama ada dari segi kewangan dan khidmat nasihat kepada yang berminat menjadi usahawan. Badan-badan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah menyediakan modal yang besar untuk membantu para usahawan terutama usahawan Bumiputera. Bekas Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaleed Nordin berkata, MARA Inc yang merupakan anak syarikat MARA telah menyediakan modal awal sebanyak RM100 juta untuk membangunkan usahawan bumiputera agar berdaya saing dan maju untuk mencapai potensi antarabangsa (Utusan Malaysia, 2008)

Selain pihak kerajaan, institusi pendidikan juga telah memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan minat para pelajar menceburi bidang keusahawanan selepas tamat pengajian. Antara program yang dijalankan ialah Program Inkubator Usahawan Siswazah adalah merupakan satu usahasama di antara Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (SME Bank) dan 17 buah universiti tempatan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Menerusi program ini, siswazah yang berminat akan menerima bimbingan dan juga akan diberi khidmat nasihat mengenai jenis perniagaan yang berpotensi untuk mereka ceburi (Utusan Malaysia, 2005)

Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015 fasa 2 meletakkan fokus kepada usaha mengarusperdanakan pendidikan keusahawanan, objektif usaha ini adalah untuk meningkatkan daya keusahawanan di kalangan semua pelajar yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Menurut Pelan tersebut juga, Kementerian Pengajian Tinggi berpendapat adalah signifikan bagi pelajar Universiti,



Politeknik dan Kolej Komuniti untuk diberikan pendedahan dan diterapkan dengan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan yang merangkumi aspek kepimpinan, inovasi, kreativiti, berdaya saing, berdikari, mengambil risiko terkira dan kebolehan untuk mengenal pasti dan membuka peluang. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan dasar pembangunan keusahawanan Institut Pengajian Tinggi pada 13 April 2010 yang bertujuan menggalakkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik dalam kalangan Institut Pengajian Tinggi. (Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia)

1.3 Latar belakang masalah

Pengangguran berlaku apabila seseorang yang boleh bekerja dan mahu bekerja tetapi tidak mendapat pekerjaan. Mereka yang digolongkan sebagai tenaga buruh sesebuah negara ialah mereka yang berumur 16 tahun hingga 64 tahun dan sanggup bekerja. Kadar pengangguran terbaik untuk sesebuah negara adalah kurang dari 4%. Apabila sesebuah negara berjaya mencapai tahap tersebut ia menunjukkan bahawa negara tersebut telah mencapai guna tenaga penuh (Ishak et al., 2011)

Menurut Sloman (1999), penganggur ialah mereka yang tidak bekerja walaupun berusia di dalam kalangan umur orang bekerja tetapi mereka sedia ada untuk bekerja mengikut kadar gaji semasa. Manakala di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005), menyatakan perihal menganggur adalah di mana keadaan seseorang itu tidak mempunyai pekerjaan disebabkan oleh kesukaran untuk mendapat kerja ataupun akibat dari pengurangan pekerja oleh kerajaan dan disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak membolehkan sesuatu pekerjaan dilaksanakan.

Menurut Lai (2003), di dalam buku mikroekonominya menyatakan pengangguran bergantung dan berkaitan dengan jumlah penduduk dalam sesebuah negara yang terdiri daripada tenaga buruh dan tenaga bukan buruh, selain itu pengangguran berlaku apabila penduduk dalam kumpulan tenaga buruh gagal mendapat

pekerjaan. Tenaga buruh adalah penduduk yang berumur di antara 15 - 64 tahun, sihat dari segi mental dan fizikal serta bersedia mencari pekerjaan. Manakala penduduk dalam kumpulan bukan tenaga buruh merujuk kepada mereka yang berumur kurang dari 16 tahun atau lebih daripada 63 tahun, cacat, pelajar dan suri rumahtangga. Kadar pengangguran dapat diukur menggunakan rumus berikut:

$$\text{Kadar pengangguran} = \frac{\text{Jumlah penganggur}}{\text{Jumlah tenaga buruh}} \times 100\% \quad (1.1)$$

Menurut Jomo dan Shari (2003), pengangguran boleh ditakrif sebagai keadaan apabila sebahagian dari tenaga buruh yang ingin bekerja pada kadar upah yang tertentu di pasaran tetapi tidak mendapat sebarang pekerjaan.

Isu pengangguran telah menjadi satu isu sensitif kepada masyarakat terutama golongan siswazah. Namun, ada banyak pihak yang beranggapan isu ini bukan sahaja melibatkan siswazah tetapi golongan lain juga. Pengangguran merupakan satu penyakit era globalisasi yang semakin menular ke negara ini. Saban tahun negara kita dikejutkan dengan isu kegagalan belia terutama golongan siswazah untuk memperoleh pekerjaan. Malah, berita ini sudah dianggap menjadi satu isu yang akan menjelma setiap kali keputusan peperiksaan umum negara diumumkan atau konvokesyen sesebuah universiti dijalankan. Jadi, apakah punca-punca yang mendorong isu ini berlaku?

Sudah pasti salah satu dari puncanya adalah berkaitan dengan keadaan ekonomi negara yang merudum. Situasi ini menyebabkan banyak syarikat atau kilang terpaksa gulung tikar dan membuang pekerjaannya. Bukan sahaja mereka dibuang kerja tetapi mereka juga sukar untuk memperoleh kerja dalam tempoh yang terdekat akibat tiadanya aktiviti ekonomi di negara. Malah ekonomi dunia bukan sahaja memberi kesan terhadap ekonomi negara tetapi mengambil masa yang lama untuk pulih seperti peristiwa kejatuhan ekonomi pada akhir dekad 90-an.

Selain itu, pengangguran turut disebabkan oleh sikap belia yang kurang berkemahiran. Belia kini lebih banyak didedahkan dengan konsep teori daripada praktikal samada ketika di sekolah mahupun ketika di universiti. Akibatnya, belia kini menjadi lemah dalam penguasaan kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran keusahawanan dan lain-lain lagi. Biasanya, majikan akan

memilih pekerja yang mereka beranggapan mempunyai keunikan yang tertentu terutama penguasaan bahasa asing dan pengetahuan komputer.

Mungkin juga faktor malas menjadi pendorong wujudnya masalah ini. Sikap belia yang hidup dalam era pembangunan pesat menyebabkan belia mengambil konsep tunggu dan lihat. Mereka hanya bertindak apabila keadaan mendesak atau sudah terlewat. Mereka menganggap pertumbuhan ekonomi negara akan berterusan maju tanpa sebarang masalah. Mereka juga sudah terlalu lama menerima bantuan kerajaan seperti pemberian biasiswa dan menganggap kerajaan akan memberi mereka pekerjaan selepas tamat belajar.

Pengangguran dapat dibahagikan kepada beberapa jenis seperti pengangguran geseran atau normal, pengangguran struktur, pengangguran kitaran dan pengangguran teknologi. Menurut Jomo dan Shari (2003), pengangguran normal/geseran berlaku apabila dalam suatu ekonomi terdapat pengangguran sebanyak dua atau tiga peratus dari jumlah tenaga buruh maka ekonomi itu sudah dipandang sebagai mencapai guna tenaga penuh. Pengangguran sebanyak dua atau tiga peratus dinamakan pengangguran normal atau geseran. Para penganggur ini tidak ada pekerjaan bukanlah kerana tidak memperolehi pekerjaan tetapi kerana sedang mencari pekerjaan lain yang lebih baik. Pengangguran jenis ini adalah bersifat sementara.

Pengangguran struktur berlaku disebabkan perubahan struktur ekonomi dalam sesebuah negara. Pada masa dahulu sektor pertanian memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang pekerjaan yang banyak kepada tenaga buruh. Dalam perkembangan sektor industri dan pembinaan, penyumbang terbesar dalam penyediaan peluang pekerjaan telah beralih ke sektor tersebut. Oleh kerana sebilangan tenaga buruh tidak berpengalaman dan kurang kemahiran maka berlakulah pengangguran (Jomo dan Shari, 2003)

Manakala pengangguran kitaran wujud akibat daripada perkembangan ekonomi yang tidak teguh. Adakalanya permintaan agregat lebih tinggi, dan ini mendorong pengusaha menaikkan pengeluaran. Lebih banyak pekerja baru digunakan dan pengangguran berkurang. Akan tetapi, apabila permintaan agregat merosot dengan banyaknya, ia akan mengakibatkan pengusaha mengurangi pekerja atau menutup perniagaannya, maka pengangguran akan bertambah.

Pengangguran teknologi terjadi apabila tenaga manusia di gantikan dengan jentera-jentera dan bahan kimia. Racun lalang dan rumpai misalnya telah mengurangi keperluan tenaga buruh untuk membersihkan ladang. Manakala di kilang-kilang adakalanya terdapat robot yang akan melakukan kerja-kerja manusia. Pengguran teknologi juga berlaku apabila penggunaan tenaga buruh dalam proses pengeluaran diambil alih oleh mesin dan robot (Jomo dan Shari, 2003)

Berdasarkan satu kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) pada 2009 dan maklumbalas industri, enam perkara dikenalpasti sebagai antara faktor utama graduan terpaksa menganggur berikutan gagal memasuki pasaran pekerjaan selepas menamatkan pengajian .

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Maznah Mazlan berkata sebahagian besar faktor itu membabitkan graduan sendiri seperti kurang permintaan terhadap bidang pengajian graduan, kurang kemahiran berkomunikasi, lemah dalam Bahasa Inggeris dari segi penulisan dan pertuturan. Selain itu terdapat graduan yang enggan berhijrah dari kampung halaman dan terlalu memilih tempat bekerja manakala sebahagian lagi terlalu mengharapkan gaji yang tinggi. Pada masa yang sama juga kebanyakan majikan menetapkan pengalaman bekerja sebagai satu syarat pengambilan yang menjadi kekangan terbesar untuk para graduan yang baru tamat belajar (Laporan Khas, Berita Kampus USM, 2011)

Dalam usaha mengatasi masalah ekonomi negara yang merudum, kerajaan telah menghantar rombongan perdagangan ke luar negara untuk menarik lebih banyak modal asing ke Malaysia. Rombongan ini cuba mengiklankan kelebihan negara jika pemodal asing itu sanggup menanam modal mereka di negara ini. Malah, kerajaan telah cuba menjalankan beberapa projek mega untuk memastikan ekonomi negara berjalan rancak semula. Projek Pembangunan Johor Selatan dan Keretapi Laju KL-Singapura dijangka mampu meninggikan pertumbuhan ekonomi negara selain mengurangkan pelbagai cukai.

Selain itu, kerajaan telah menjalankan pelbagai program untuk memahirkan golongan belia seperti menganjurkan kursus Bahasa Inggeris dan mengutamakan penubuhan institusi kemahiran secara kerjasama dengan negara-negara luar seperti Jerman dan Jepun. Program ini mampu menyediakan sekumpulan sumber manusia yang



berkemahiran tinggi untuk bersaing dalam era globalisasi kini. Kewujudan buruh yang berkemahiran tinggi ini kelak turut akan menjadikan negara sasaran utama pelabur asing.

Kerajaan turut memudahkan urusan pembiayaan perniagaan terutamanya kepada golongan belia. Pihak bank sendiri telah memudahkan urusan untuk mendapatkan pinjaman peribadi untuk membantu belia memulakan perniagaan mereka secara kecil-kecilan. Langkah drastik ini memastikan lebih banyak industri kecil dan sederhana mampu diwujudkan dan menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik dalam tempoh terdekat ini. Belia yang tidak bekerja harus mengambil peluang ini untuk mencuba nasib mereka sebagai usahawan.

1.4 Pernyataan masalah

Menurut Kementerian Pengajian Tinggi (2010) dalam Laporan Eksekutif Pengesanan Graduan 2010 kira-kira 43,000 orang graduan sedang menganggur sehingga akhir 2010. Manakala menurut Jabatan Perangkaan Negara (2011) dalam Laporan Banci Penduduk 2011, peratus pengangguran rakyat di Malaysia sehingga Oktober 2011 adalah sebanyak 3%. Menurut Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Utusan Malaysia, 22 Mei 2008), terdapat seramai 40,000 orang siswazah yang menganggur kerana gagal mendapatkan pekerjaan yang sesuai.

Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Razak dan Sultan (2008), ke atas graduan bidang sains kemasyarakatan dan kemanusiaan, mereka menekankan punca banyak siswazah bidang ini menganggur adalah kerana kebanyakan siswazah mengalami masalah interpersonal dan komunikasi. Menurut kajian tersebut juga, kebanyakan siswazah tidak proaktif dan tidak realistik. Selain itu, menurut satu kajian lain yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) pada 2009 menyatakan bahawa punca utama pengangguran bagi graduan dari bidang teknik dan vokasional adalah kerana kurangnya kemahiran yang mereka perolehi sepanjang pengajian selain pemahaman terhadap teori semata-mata. Perkara ini berlaku kerana

kurangnya pengetahuan pelajar tentang satu daripada tujuh elemen kemahiran generik iaitu kemahiran keusahawanan. Selain itu, kesukaran pelajar lepasan ijazah untuk mendapatkan pekerjaan setelah tamat pengajian juga telah mendorong pihak kerajaan memberikan galakan dan dorongan agar mereka memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya utama mereka.

Masalah pengangguran pada masa kini boleh diatasi dengan menjadikan keusahawanan sebagai satu kerjaya di mana ini merupakan satu peluang yang berpotensi untuk diterokai. Pendekatan yang digunakan untuk mencapai matlamat mewujudkan masyarakat Malaysia berbudaya keusahawanan ialah melalui pendidikan keusahawanan di IPT yang bertujuan memberikan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran keusahawanan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2001; Malaysia 2001; Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi 2005; Malaysia 2006). Oleh yang demikian ia akan dapat memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan siswazah dan menukar mentaliti pelajar ke arah bekerja sendiri (Buang, 2008) daripada bekerja dengan orang lain. Selain itu juga, usahawan boleh dididik melalui pembangunan ekosistem keusahawanan secara menyeluruh di IPTA (Laporan Naib Canselor UMK, 2010). Seterusnya dapat mengurangkan pengangguran dalam kalangan graduan IPTA. Selain daripada itu, ia juga dapat membantu para graduan mengaplikasikan apa yang dipelajari atau bidang baru yang ingin diterokai melalui kerjaya yang mereka bina sendiri.

Justeru itu, sejauhmanakah kecenderungan yang akan wujud untuk menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan bakal graduan dari bidang teknikal dan bidang pengurusan teknologi dan perniagaan melalui pendidikan minima yang diperolehi dalam kurikulum pendidikan keusahawanan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan juga pendidikan melalui ekosistem keusahawanan yang wujud di UTHM. Oleh yang demikian, kajian ini akan dijalankan dalam kalangan pelajar tahun akhir di beberapa buah fakulti di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia contohnya seperti Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) untuk mengenalpasti kecenderungan mereka terhadap bidang keusahawanan.



1.5 Objektif kajian

1. Mengenalpasti ciri-ciri kompetensi keusahawanan diri yang wujud dalam diri bakal graduan di UTHM setelah mengikuti kursus keusahawanan.
2. Mengenalpasti perbezaan kecenderungan untuk menjadi usahawan di kalangan pelajar bidang kejuruteraan dan pengurusan teknologi?
3. Mengenalpasti ekosistem keusahawanan yang wujud dalam usaha mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk menjadi usahawan.

1.6 Persoalan kajian

Bagi mencapai objektif kajian, persoalan kajian dibawah akan diselesaikan:

1. Apakah tahap pemilikan ciri – ciri kompetensi keusahawanan diri yang wujud dalam diri bakal graduan UTHM?
2. Adakah terdapat perbezaan tahap pemilikan ciri-ciri kompetensi keusahawanan diri dalam kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan?
3. Adakah terdapat perbezaan kecenderungan untuk menjadi usahawan di kalangan pelajar bidang kejuruteraan dan pengurusan teknologi?
4. Apakah bentuk ekosistem keusahawanan yang wujud di UTHM.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Jadual 1.1 : Objektif dan Persoalan Kajian

Objektif Kajian	Persoalan Kajian
<p>1. Mengenalpasti ciri-ciri kompetensi keusahawanan diri yang wujud dalam diri bakal graduan di UTHM setelah mengikuti kursus keusahawanan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah tahap pemilikan ciri – ciri kompetensi keusahawanan diri yang wujud dalam diri bakal graduan UTHM? 2. Adakah terdapat perbezaan tahap pemilikan ciri-ciri kompetensi keusahawanan diri dalam kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan.
<p>2. Mengenalpasti perbezaan kecenderungan untuk menjadi usahawan di kalangan pelajar bidang kejuruteraan dan pengurusan teknologi?</p>	<ol style="list-style-type: none"> 3. Adakah terdapat perbezaan kecenderungan untuk menjadi usahawan dalam kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan?
<p>3. Mengenalpasti ekosistem keusahawanan yang wujud dalam usaha mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk menjadi usahawan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 4. Apakah ekosistem keusahawanan yang wujud dalam usaha mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk menjadi usahawan?



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJANGAN AMINAH

1.7 Hipotesis kajian

Hipotesis Null₁ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pemilikan ciri-ciri kompetensi keusahawanan diri dalam kalangan bakal graduan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan.

$$\therefore H_0 : \mu_{\text{kompetensi_kejuruteraan}} = \mu_{\text{kompetensi_pengurusan_teknologi}}$$

$$H_a : \mu_{\text{kompetensi_kejuruteraan}} \neq \mu_{\text{kompetensi_pengurusan_teknologi}}$$

(1.2)

Hipotesis Null₂ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecenderungan untuk menjadi usahawan di kalangan bakal graduan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan.

$$\therefore H_0 : \mu_{\text{kecenderungan_kejuruteraan}} = \mu_{\text{kecenderungan_pengurusan_teknologi}}$$

$$H_a : \mu_{\text{kecenderungan_kejuruteraan}} \neq \mu_{\text{kecenderungan_pengurusan_teknologi}}$$

(1.3)

1.8 Skop kajian

Skop kajian ini adalah untuk mengenalpasti ciri-ciri kompetensi keusahawanan diri yang wujud dalam diri bakal graduan yang seterusnya mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Kajian ini dijalankan ke atas bakal graduan di Fakulti Kejuruteraan Awam Dan Alam Sekitar serta Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan di UTHM sahaja.

1.9 Limitasi kajian

Terdapat beberapa limitasi bagi kajian yang dijalankan. Di antaranya adalah kajian ini hanya tertumpu kepada kecenderungan keusahawanan di kalangan bakal graduan di UTHM sahaja.

Selain itu, kajian yang dijalankan adalah khusus di Fakulti Kejuruteraan Awam Dan Alam Sekitar dan Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan di UTHM sahaja. Di samping itu, hanya satu sahaja kaedah utama yang digunakan untuk mengumpul data iaitu dengan menggunakan kaedah mengedarkan borang soal selidik kepada para pelajar selepas tamat kelas. Kaedah ini mengumpul maklumat secara keratan rentas yang tertakluk kepada responden yang sedia ada sahaja.

Selain dari itu juga, dalam proses menyiapkan kajian ini, penyelidik juga menghadapi beberapa kekangan dan masalah:

i. Masalah kewangan

Kos yang terlibat dalam menjalankan kajian ini agak tinggi yang mana ia melibatkan kos aktiviti seperti kos percetakan, kos logistik, dan cenderahati kepada responden.

ii. Kesukaran mendapatkan kerjasama responden

Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar tahun akhir di fakulti-fakulti yang terlibat. Para pelajar mungkin sukar untuk memberi kerjasama kerana mereka sendiri sibuk dengan tugas atau projek-projek tahun akhir.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

iii. Kurang pengalaman dan kemahiran

Kemahiran yang khusus dan pengalaman adalah diperlukan untuk menjalankan kajian yang signifikan. Sungguhpun begitu, penyelidik merupakan seorang yang masih baru dalam bidang penyelidikan.

1.10 Kepentingan kajian

a. Pihak kerajaan

Pihak kerajaan boleh menjadikan dapatan kajian ini sebagai salah satu input maklumat dalam pembentukan polisi dan kaedah untuk menggalakkan lulusan bidang kejuruteraan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

b. Agensi-agensi terlibat

Agensi yang terbabit dapat mempergiatkan lagi usaha dari segi pendedahan dan kemudahan agar para pelajar yang mempunyai kecenderungan untuk menjadi usahawan akan meneruskan niat mereka itu.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

c. Pensyarah

Pensyarah akan cuba untuk memberi rangsangan kepada para pelajar mengenai kebaikan bidang keusahawanan. Ini secara tidak langsung akan dapat membantu para pelajar pada masa akan datang untuk membina keyakinan diri untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

d. Pihak pentadbiran Universiti

Hasil kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh pihak pentadbiran universiti dalam memperkemaskan penawaran kursus-kursus keusahawanan yang dijalankan di universiti berkenaan.

e. Pelajar

Hasil kajian ini boleh menjadi peransang kepada pelajar untuk lebih cenderung ke arah menjadi usahawan seterusnya membant menyediakan peluang pekerjaan serta membantu meningkatkan taraf ekonomi negara secara tidak langsung.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH


1.11 Kerangka konseptual kajian

Kerangka konseptual ini dibentuk bersesuaian dengan objektif kajian. Pembudayaan keusahawanan dalam mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk menjadi usahawan. Dalam proses pembudayaan keusahawanan, penyelidik melihat strategi pelaksanaan kursus keusahawanan dari segi teori dan praktikal, seterusnya penyelidik melihat dari segi pembangunan ekosistem keusahawanan di UTHM.

Selain itu, kerangka yang dibina juga menunjukkan proses yang dilalui dalam mengetahui atau menyemak strategi pelaksanaan semasa kurikulum pendidikan keusahawanan di universiti sama ada ia mencapai matlamat pembudayaan keusahawanan dalam kalangan bakal graduan UTHM dan juga sejauhmanakah UTHM merealisasikan ekosistem keusahawanan. Oleh yang demikian, penyelidik ingin melihat hubungan di antara kecenderungan menjadi usahawan dengan ciri-ciri kompetensi keusahawanan diri yang wujud dalam diri pelajar setelah mengambil matapelajaran keusahawanan di universiti dan juga mengalami sendiri ekosistem keusahawanan yang wujud di persekitaran mereka.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian

1.12 Definisi operasi

Ringkasan definisi istilah penting bagi kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:

1.12.1 Usahawan

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mentakrifkan usahawan sebagai orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan iaitu pengusaha. Pengusaha dimaksudkan sebagai pekerjaan secara besar-besaran untuk membuat barang-barang industri atau pekerjaan berniaga secara besar-besaran. Manakala, dalam kajian ini usahawan didefinisikan sebagai individu yang terlibat secara langsung dalam aktiviti keusahawanan contohnya seperti memulakan perniagaan sendiri.

1.12.2 Kecenderungan keusahawanan

Kecenderungan keusahawanan digambarkan sebagai faktor motivasi yang mempengaruhi individu untuk meneruskan sesuatu hasil keusahawanan (Hisrich, Peters & Shephard, 2008). Dalam kajian ini, kecenderungan keusahawanan didefinisikan sebagai minat bakal graduan untuk menjadi usahawan ataupun minat untuk membuka perniagaan sendiri setelah di pengaruhi oleh beberapa faktor seperti kursus keusahawanan dan ekosistem keusahawanan.

1.12.3 Ciri – ciri kompetensi keusahawanan diri

Menurut Ibrahim, (2009) Kompetensi keusahawanan bermaksud kemampuan atau kecekapan seseorang untuk melaksanakan fungsi-fungsi keusahawanan dengan berkesan. Manakala dalam kajian ini, ciri-ciri kompetensi keusahawanan diri didefinisikan sebagai tiga belas ciri iaitu inisiatif, melihat dan merebut peluang, kecekalan, mencari maklumat, menitik beratkan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap perjanjian kerja, berorientasi ke arah kecekapan, membuat perancangan yang sistematik, menyelesaikan masalah secara kreatif, yakin terhadap keupayaan diri, ketegasan, meyakinkan orang lain dan menggunakan strategi pengaruh.

1.12.4 Bakal graduan

Bakal graduan ialah para pelajar yang sedang menuntut di Institut Pengajian Tinggi yang bakal menamatkan pengajian mereka. Dalam kajian ini, bakal graduan didefinisikan sebagai pelajar tahun akhir yang akan menamatkan pengajian kurang dari satu semester.

1.12.5 Pembudayaan keusahawanan

Suasana atau keadaan yang menjadikan aktiviti keusahawanan yang melibatkan penerapan nilai-nilai kemahiran keusahawanan dan dapat menimbulkan elemen-elemen keusahawanan dalam diri bakal graduan sebagai aktiviti utama. Dalam kajian ini, pembudayaan keusahawanan didefinisikan sebagai aktiviti keusahawanan yang melibatkan penyusunan strategi pelaksanaan kursus keusahawanan dan pembangunan ekosistem keusahawanan di UTHM.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Dalam era globalisasi ini, ia telah mengubah sumber utama ekonomi negara daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi berasaskan perindustrian dan kini ekonomi berasaskan pengetahuan Hassan, Rahman, Ghafar, dan Zakaria (2005), Globalisasi juga membentuk keupayaan tenaga manusia negara agar menjadi lebih *multiskill* (kemahiran yang pelbagai) dan fleksibel dalam meneroka dunia pekerjaan. Ilmu pengetahuan tidak lagi berdiri dengan sendirinya tetapi dikembangkan bersama disiplin yang lain agar menjadi multidisiplin. Keupayaan tenaga manusia kita akan terjejas jika mereka hanya terikat kepada satu kebolehan sahaja. Ini merupakan cabaran utama untuk melihat Malaysia menjadi sebuah negara maju, maka sumber tenaga manusia negara perlu dibekalkan ilmu pengetahuan yang cukup untuk menempatkan Malaysia sebagai negara maju yang disegani. Dengan pendidikan dan latihan yang tersusun, tenaga manusia dapat dilatih dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang diperlukan dalam industri (Hassan et. al., 2005). Kenyataan tersebut disokong oleh Safarin, Zolkifli & Khata (2005), yang menyatakan bahawa dalam perkembangan dunia masa kini dan dalam era globalisasi ini, majikan tidak hanya mementingkan kemahiran teknikal atau *hard skills* sahaja tetapi juga kepada kemahiran generik atau *soft skills* agar pekerja mereka dapat menyesuaikan diri dengan semua jenis pekerjaan dan dalam masa yang sama memiliki *multi skills*.

Oleh yang demikian, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berperanan untuk melahirkan golongan sarjana dan ilmunan yang menjalankan penyelidikan bagi tujuan mengembangkan ilmu bagi pembangunan masyarakat. Cabaran kecemerlangan IPT kini dikaitkan secara langsung dengan keupayaan menghasilkan graduan yang menjadi pilihan utama industri, majikan dan pasaran pekerjaan. Fenomena ini adalah selaras dengan objektif ke empat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ialah untuk menghasilkan graduan yang kompeten untuk memenuhi keperluan guna tenaga negara dan antarabangsa dengan sasaran 75% graduan mendapatkan pekerjaan dalam bidang relevan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian (KPT, 2007)

Pembangunan terhadap modal insan merupakan misi nasional yang digariskan dalam Rancangan Malaysia ke-10. Misi nasional ini mensasarkan kepada kecemerlangan modal insan dalam aspek penguasaan ilmu, sahsiah diri terpuji, menguasai kemahiran insaniah, patriotik, berdaya saing dan mempunyai pemikiran global. Ini selaras dengan kepesatan era globalisasi dan ekonomi serta industri berasaskan pengetahuan. Bajet 2012 yang menyokong teras ini, menyediakan peruntukan berjumlah RM 50.1 bilion iaitu 21.6% dari keseluruhan bajet untuk tujuan pendidikan dan latihan kepada para pelajar. Daripada jumlah itu, 37.2 bilion ringgit diperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) manakala 12.9 bilion ringgit untuk Kementerian Pengajian Tinggi (Nordin, 2011)

Pada tahun 2010 hampir 462 121 ribu orang pelajar sedang menerima pendidikan dan latihan dalam pelbagai tahap pengajian di 20 buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia. Sepanjang tahun 2009, IPTA telah menghasilkan 104 870 orang graduan yang diharapkan berperanan sebagai modal insan untuk menyumbang kepada pembangunan negara. (KPT, 2006). Peningkatan jumlah output graduan kepada seramai 108 331 pelajar pada tahun 2010 dan ditambah pula dengan jumlah pelajar Malaysia di luar negara seramai 79 254 pada tahun yang sama meningkatkan lagi cabaran KPT untuk bersaing diperingkat antarabangsa (KPT, 2011)

Di sebalik kepesatan ekonomi Malaysia, pengangguran di kalangan graduan IPTA masih menjadi isu utama yang dikaitkan dengan prestasi IPTA dan kualiti graduan masa kini. Kajian menunjukkan bahawa pengangguran dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya ialah sikap memilih pekerjaan serta kegagalan memenuhi tuntutan industri dan



pasaran pekerjaan (Juhdi N, 2006). Menurut Kementerian Sumber Manusia, daripada 27.5% kekosongan pekerjaan dalam sektor pertanian hanyalah diisi oleh 3.5% graduan. Manakala permohonan untuk bekerja di sektor perkhidmatan adalah sebanyak 48.8% sedangkan kekosongan jawatan hanyalah sebanyak 24.8%. (KSM, 2008). Pelbagai usaha telah dilakukan untuk meningkatkan kompetensi graduan di antaranya menerusi penubuhan Skim Latihan Graduan (SLG) yang sekarang dikenali sebagai Graduate Employability Management Scheme (GeMS) dan yang terbaru Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) yang diperkenalkan pada 2010 melibatkan syarikat-syarikat GLC seperti Petronas, TNB, Tabung Haji dan lain-lain lagi.

Sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini, kerajaan telah memperuntukkan hampir atau lebih RM 100 juta bertujuan memberi latihan secara intensif dalam pelbagai bidang bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan menganggur. SLG atau GeMS membangunkan kurikulum yang memberi penekanan kepada kemahiran bekerja (working skills) khususnya kemahiran berkomunikasi, kemahiran menganalisis, keterampilan dan motivasi diri selain kemahiran Bahasa Inggeris. Pelaksanaan SLG membuahkan kejayaan dengan hampir 80% daripada graduan yang mengikuti SLG telah berjaya mendapatkan pekerjaan walaupun belum menamatkan latihan sepenuhnya (Ramzi, Nasser, & Kamal, A., 2005)

2.1 Kebolehpasaran graduan

Menurut Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2011-2015, kemajuan sesebuah negara pada masa hadapan sangat bergantung kepada usaha semua pihak dalam melahirkan modal insan yang berketerampilan, berdaya saing dan mempunyai nilai tambah tinggi yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara serta boleh menjamin pertumbuhan ekonomi yang stabil. Oleh yang demikian, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia sentiasa memberi perhatian terhadap kualiti siswazah yang dilahirkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). KPT juga sentiasa berusaha melonjakkan tahap kualiti

siswazah agar mereka dapat menyumbang kepada pelaksanaan pelan transformasi ekonomi negara.

Setiap institusi pengajian tinggi (IPT) memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan siswazah yang berkebolehan yang bersedia ditempatkan di sektor pekerjaan sama ada di pasaran tempatan atau antarabangsa. Isu-isu yang berkaitan dengan kebolehdapatan kerja siswazah sentiasa berkait rapat dengan kebolehpasaran dan kemahiran siswazah. Menyedari hakikat ini, KPT telah mengambil beberapa langkah strategik bagi memastikan siswazah yang dihasilkan oleh IPT di negara ini mempunyai kualiti dan ciri-ciri yang diperlukan oleh pasaran kerja. Selain menyediakan peluang pengajian tinggi kepada semua golongan yang berkelayakan, KPT juga bertanggungjawab memastikan setiap siswazah yang dihasilkan mempunyai nilai kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja yang tinggi (PSPTN 2010).

Bagi mencapai hasrat tersebut, KPT telah meletakkan kebolehpasaran siswazah sebagai salah satu daripada Projek Agenda Kritikal dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) pada tahun 2007.

Pelaksanaan PSPTN Fasa 1 melihat kepada usaha-usaha peletakan asas beberapa program bagi mencapai hala tuju transformasi pengajian tinggi. Bagi Projek Agenda Kritikal (CAP) Kebolehpasaran Siswazah, pelaksanaan PSPTN Fasa 1 melihat kepada indikator bagi menilai kebolehpasaran siswazah dan sasaran peratus yang perlu dicapai. Bidang tumpuan CAP dalam pelaksanaan Fasa 1 PSPTN ialah meningkatkan kebolehpasaran siswazah dengan memastikan sekurang-kurangnya 75% siswazah memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan setelah menamatkan pengajian.

Bagi mengkaji secara berterusan penerimaan para siswazah ke dalam pasaran kerja, KPT telah mewujudkan satu sistem pengukuran yang bersesuaian dan versatil bagi melaksanakan kaji selidik terhadap graduan yang bakal menamatkan pengajian di IPT di negara ini. Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) telah mula dilaksanakan sejak tahun 2006 dan membekalkan fakta dan maklumat mengenai status dan pekerjaan graduan baru. Kajian Pengesanan Graduan merupakan satu kajian tahunan untuk mengesan destinasi pertama graduan selepas menduduki peperiksaan pada tahun akhir sehingga tarikh menghadiri majlis konvokesyen, iaitu lazimnya dalam lingkungan tiga hingga enam bulan selepas tamat pengajian. Objektif kajian adalah untuk meninjau

tahap kebolehdapatan kerja dan kebolehpasaran (employability and marketability) siswazah, mendapat pandangan dan persepsi siswazah terhadap program akademik, sistem pengajian dan kemudahan prasarana di IPT masing-masing serta mewujudkan pangkalan data para siswazah IPT.

Peratusan kebolehpasaran siswazah mencapai dan melebihi sasaran 75% mulai tahun 2008 hingga 2010. Bagi tahun 2010, pencapaian kebolehpasaran siswazah pada peringkat KPT adalah sebanyak 75.4%. Peratusan ini merangkumi semua graduan yang dihasilkan oleh IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti.

Jika dilihat dari segi pencapaian kebolehpasaran siswazah bagi setiap IPTA pula, peratus pencapaian adalah berbeza di antara satu sama lain. Pada akhir tahun 2010, sejumlah 19 IPTA terlibat dalam statistik pengiraan CAP Kebolehpasaran Siswazah dan hanya satu IPTA iaitu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) masih belum menghasilkan siswazah pada tahun 2010. Secara umumnya, universiti yang berstatus universiti penyelidikan, mempunyai tahap peratusan kebolehpasaran siswazah yang melebihi 75%. Pencapaian bagi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) adalah 96.5% kerana sebahagian besar daripada siswazah diserap sebagai guru apabila mereka menamatkan pengajian. Bagi universiti dalam kategori Komprehensif dan Fokus, data menunjukkan corak yang pelbagai, antara lingkungan 50% hingga 70%.

Institusi pengajian tinggi mempunyai peranan yang penting dalam menghasilkan modal insan berkemahiran tinggi dan berkeupayaan untuk mencipta, menginovasi, menghasilkan dan memelopori pengetahuan baru serta mengaplikasikan dan membangunkan teknologi, ke arah memastikan kadar kebolehpasaran siswazah yang tinggi dicapai oleh negara.

Hal ini berlaku memandangkan terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kebolehpasaran siswazah seperti jenis universiti dan bidang pengajian yang diambil siswazah. Bagi universiti yang telah lama bertapak di negara ini, sasaran 75% mungkin dapat dicapai dengan adanya faktor-faktor seperti kemudahan pendidikan yang lebih baik, tenaga pengajar yang berpengalaman, bidang pengajian yang ditawarkan, hubungan bersama pihak industri dan sebagainya. Secara umumnya, peratusan kebolehpasaran siswazah perlu melihat kepada kapasiti serta keupayaan sesebuah



RUJUKAN

- Ahmad Badawi, A. (2006) Ucapan Bajet 2007. *Pembentangan Bajet 2007*. Dewan Rakyat, Kuala Lumpur.
- Ajzen, I. (2002). Perceived Behavioral Control, Self-Efficacy, Locus of Control, and The Theory of Planned Behavior. *Journal of Applied Social Psychology*. 32(4). 665-683.
- Allen, K.R. (2003). *Launching New Ventures. An Entrepreneurial Approach* (3rd ed.). US:Houghton Mifflin Company.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*. Vol.50(2). pp179-211.
- Anne, S. (2008). Universities: An entrepreneur's Ecosystem. Dicapai pada 11 Desember 2012 dari <http://www.xconomy.com/boston/2008/02/25/universities-an-entrepreneurs-ecosystem/>
- Abdul Razak, R.R dan Sultan, F.M. (2008). *Kurikulum universiti dan keperluan untuk memperoleh pekerjaan*. Institut Penyelidikan tinggi Negara, Universiti Sains Malaysia.
- Aouni, Z, dan Surlemont, B. (2008) .Entrepreneurial Competencies within the Process of Opportunity Recognition (Interactive Paper). *Frontiers of Entrepreneurship Research*: Vol.28:Iss.17,Article 2. dicapai di <http://digital-knowledge.babson.edu/fe r/vol28/iss17/2> pada 10 Desember 2012.
- Abdullah, S. (2010). Nilai inovasi, kreativiti perlu dalam keusahawanan. Dicapai pada 10 Desember 2012 dari <http://agamaberitaharian.blogspot.com/2010/01/nilai-inovasi-kreativiti-perlu-dalam.html>

- Ariff, A.H.M., Bidin, Z., Sharif, Z., & Ahmad, A. (2010). Predicting Entrepreneurship Intention Among Malay University Accounting Students in Malaysia. *UNITAR e-journal*. Vol. 6, No. 1.
- Auken, H. V., Fry, F.L., & Stephens, P. (2006). The Influence of Role Models on Entrepreneurial Intentions. *Journal of Developmental Entrepreneurship*, 11 (2), 157-167.
- Ayob, A. (2003). *Kepentingan Kemahiran generik dikalangan pekerja di Industri Elektrik dan Elektronik Bayan Lepas P.Pinang*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Barakat, S. (2011) , Rebulding the entrepreneurial ecosystem in the MENA region. Dicapai pada 11 Disember 2012 dari <http://www.cfel.jbs.cam.ac.uk/blog/?p=293>
- Berita kampus USM versi online ‘suara dari menara ilmu’. *Laporan Khas - Wajarkah umur persaraan penjawat awam dinaikkan kepada 60 tahun?* Jilid 41, Bil 4, Isnin 12 Disember 2011 dicapai pada 5 Mac 2012.
- Buang, N. A (2008). *Kajian Keperluan Pendidikan Keusahawanan Secara Formal Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina dan Fakulti Pendidikan, UKM*. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Boyatzis, R.E. 1982. *The competent manager: A model for effective performance*, John Wiley & Sons.
- Brandstatter, H. (1997). Becoming an entrepreneur – a question of personality structure? *Journal of Economic Psychology*, 18(2-3), 157–177.
- Brussels (2012). *Effects and Impact of Entrepreneurship Programmes in Higher Education*. Brussels: European Union.
- Candida, B. (2012). Turkey – An Emerging Entrepreneurship Ecosystem. Dicapai pada 11 Disember 2011 dari <http://www.forbes.com/sites/babson/2012/10/31/411/>
- Carland, J.W. Hoy, F. Boulton, W.R. & Carland, J.A. (1984). *Differentiating entrepreneurs from small business owners: A conceptualization*. The Academy of Management Review. 9(2), 354-359.
- Cavana, R. Delahaye, B. dan Sekaran, U. (2001). *Applied Business Research: Qualitative and Quantitative Methods*, (3rd ed.) John Wiley & Sons Australia, Ltd,



PUSAT PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Chandler, G.N., & Lyon, D.W. (2001). Issues of research design and construct measurement in entrepreneurship research: The past decade. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 25, 101- 113.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approached*. California, United Kingdom. Sage Publication Inc.
- Chua Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan . Kuala Lumpur : McGraw-Hill*.
- Choo, S. & Wong, M. (2006). Entrepreneurial Intention: Triggers and Barriers to New Venture Creations in Singapore. *Singapore Management Review*, 28 (2), 47-64.
- Clark, B.R. (1998). *Creating entrepreneurial universities: Organizational pathways of transformation*, New York: Pergamon Press.
- Cooper, D.R. dan Schindler, P.S. (2007). *Business Research Method:9th edition*. New York: McGraw Hill.
- Doughlas, E.J. dan Shepherd, D.A. (2002). Self-Employment as a Career Choice: Attitudes, Entrepreneurial Intentions, and Utility Maximization. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 81- 90.
- Ginkel, H.V. (2004). The Social Commitment of Universities *Re-thinking the University for the XXIst Century*. *International Barcelona Conference on Higher Education*. 1-22.
- Greene, P (2012). *Entrepreneurial Ecosystem: growing entrepreneurial communities creating wealth and social justice*. Forum edisi 2012. Kolej Babson. USA
- Ghafar, M.N.A., (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Hassan, Z., Rahman, M.A., Ghafar, M.N. dan Zakaria, K. (2005), *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Di Terengganu*. Seminar Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching Sarawak.
- Hisrich, R.D., Peters, M.P & Shephard D.A. (2008). *Entrepreneurship (International Edition)*. Singapore: The McGraw-Hill Education Asia.
- Henderson, R. & Robertson, M. (2000). Who wants to be an entrepreneur? Young Adult attitudes to entrepreneurship as a career. *Career Development International*, 5 (6), 279-287.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Henry, C., Hill, F. and Leitch, C. (2003). *Entrepreneurship Education and Training: The Issue of Effectiveness*, Ashgate Publishing: Aldershot.
- Ibrahim, M.D. (2009), *Entrepreneurial Competencies*. Universiti of Tessaudes : Tesis PhD.
- Ishak, F. Ahmad, N. Isnaini Janipha, N.A. dan Ismail, R. (2011). *Assessing the Behavioural Factors' of Safety Culture for the Malaysian Construction Companies*. Proceedings ASEAN Conference on Environment-Behaviour Studies (AcE-Bs 2011), Bandung, Indonesia.
- Ishak, M.M., (2006). Cabaran memperkasakan universiti. *Dewan Masyarakat*, 45, 12-15.
- Jabatan Perangkaan Negara (2011), *Laporan Banci Penduduk 2011*. Dicapai pada 20 Mac 2012 di <http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?lang=bm>
- Juhdi, N. Yunus, S. & Abu Samah, A. J. (2006). *A survey of students' employability skills: a case of UNITAR*. Kertas kerja dibentangkan di *Third National Human Resource Management Conference, Langkawi*
- Jomo K. S dan Shari. I. (2003). *Makroekonomi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Jain, K.K., dan Yusof, M. (2007). Leadership challenges in developing an entrepreneurial university. *Indian Journal of Training and Development*, Vol. 37, No. 4.
- Kolvereid, L. & Moen, O. (1997). Entrepreneurship among business graduates: does a major in entrepreneurship make a difference?. *Journal of European Industrial Training*, 21 (4), 1-10.
- Konting, A. M. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pengajian Tinggi. Keusahawanan: dasar keusahawanan. dicapai pada 13/4/12 di <http://jpt.mohe.gov.my/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1995). *Program Pembudayaan Keusahawanan Kementerian Pendidikan Malaysia Ke Arah Pewujudan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)*. Kuala Lumpur.



PTTA UNIVERSITI TUNJUNGU AMINAH
PERPUSTAKAAN TUNJUNGU AMINAH

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Pembangunan Pendidikan 2001-2010 Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Kaplan, J.M. & Warren, A.C. (2007). *Patterns of Entrepreneurship* (2nd edition). US: John Wiley and Sons Inc.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (SOFT SKILLS) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Pembangunan Pendidikan 2001-2010. Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*. Dicapai pada 20 April 2012 di <http://www.moe.gov.my>
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2009). *Punca-Punca Penganguran Di Kalangan Graduan IPTA Dan IPTS*. Dicapai pada 22 Mac 2012 di <http://www.mohe.gov.my/publications>
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2010). *Laporan Eksekutif Pengesanan Graduan 2010*. Dicapai pada 23 Mac 2012 di <http://www.mohe.gov.my/publications>
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). *Perangkaan sepintas lalu pengajian tinggi 2005*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Krueger, N.F. Jr., Reilly, M.D. and Carsrud, A.L. 2000. Competing Models of Entrepreneurial Intentions. *Journal of Business Venturing*. 15(5/6):411-432.
- Kuratko, D. F. and Hodgetts, R. M. (2004). *Entrepreneurship: Theory, Process, and Practice*. 6th ed. Mason, Ohio: South-Western, Thomson.
- Laporan Tahunan PKS. (2007). Bank Negara Malaysia: Kuala Lumpur.
- Lazim A.M & Sani K.A (2007). The perceptions of Malaysian Undergraduate Students about a set of generic skills. *Journal of Institutional Research South East Asia JIRSEA*, 5(1).
- Lena, L. & Wong, P.K. (2003). Attitude Towards Entrepreneurship Education and New Venture Creation. *Journal of Enterprising Culture*. 11(4), 339-357



PTTAAUTM
PERPUSTAKAAN TUNKUN AMINAH

- Ley, T. 2006. *Organizational competency management: A competency performance approach*, University of Graz, Graz.: Phd dissertation.
- McClelland, D. C. dan Atkinson, C. (1961). *The Achieving Society*. Princeton: Van Nostrand: McGraw-Hill Higher Education.
- Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Dicapai pada 20 April 2012 di <http://www.statistic.gov.my>
- Idris S.H.M, (2009). *Kecenderungan Keusahawanan di Kalangan Pelajar Bidang Kejuruteraan di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Kawasan Utara Semenanjung Malaysia*. Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.
- Mohamad K. (2008). *Amalan Penyerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran cerpen KOMSAS Bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Malaysia. *Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010*. 2009. Dicapai pada 20 April 2012 di <http://www.statistic.gov.my>
- Mohamed, Z. *Laporan Naib Canselor Tahun 2010*. (2010).Universiti Malaysia Kelantan.
- Mahamod, Z. Alias, A.dan Mohd Said, N.E. (2012). Perbandingan Kemahiran Generik Pelajar Opsyen Bahasa Melayu Di Sebuah IPTA Dan IPGM. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2012. 4 (1). pp. 82-95.
- Mc Clelland dan Mc Ber & Co. (1985), *The Entrepreneurship Competencies characteristic among succeed entrepreneur at Malawi India*. Oxford. London.
- Nordin M. K. (2011). *Memantapkan Budaya Keusahawanan Di Kalangan Generasi Baru Melalui System Pendidikan Nasional Dan Pengajian Agama: Gagasan dan Cabaran Merealisasikannya*. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Othman, N. Ishak, S. (2009) *Attitude Towards Choosing a Career in Entrepreneurship Amongst Graduates*. European Journal of Social Sciences –Vol. 10, No. 3
- Paul, H. et, al. (2009). *Entrepreneursip Education in Ireland: Towards Creating the Entrepreneurial Graduate*. National Council for Graduate Entrepreneurship: Laporan projek penyelidikan.
- Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015. (2010). Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Putrajaya.



PTTA UTM
PERPUSTAKAAN FUNKTIONAL MINAH

- Pusat Pengajian Siswazah (2012), *Panduan Penulisan Tesis 2012: Edisi keempat*.
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Batu Pahat.
- Ramzi, Nasser, & Kamal, A., (2005). Graduates' perception of university training in light of occupational attainment and university type: the case of Lebanon. *Education and training*, 47(2), 124-133.
- Robson C. (2002). *Real World Research. Blackwell, (2nd edition)*. McGraw Hill. NY.
- Rasheed, H. & Rasheed, B. (2003). Developing Entrepreneurial Characteristics in Youth: The Effects of Education and Enterprise Experience. *Ethnic Entrepreneurship: Structure and Process*. Amsterdam.
- Ramayah, T. & Harun, Z. (2005). Entrepreneurial Intention among the Students of Universiti Sains Malaysia (USM). *International Journal of Management and Entrepreneurship*, 1(1), 8-20.
- Safarin, M., Zolkifli, M., dan Khata, M., (2005). *Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti*. Seminar Pendidikan Fakulti Pendidikan 2005: Universiti Teknologi Malaysia.
- Souitaris, V., Zerbinati, S., & Al-Laham, A. (2007). Do entrepreneurship programmes raise entrepreneurial intention of science and engineering students? The effect of learning, inspiration and resources. *Journal of Business Venturing*, 22, 566–591.
- Sloman, J. (1999). *Essentials of Economic (4th Edition)*. Prentice Hall (Financial Time). New York.
- Schumpeter, J. A. (1934). *The Theory of Economic Development*. Harvard, New York,
- Shigenobu, T. (2007). Evaluation and Usability of Back Translation for Intercultural Communication. N. Aykin (Ed.): *Usability and Internationalization*, Part II, HCII. 2007. 259-265.
- Shane, S.A. (1997). Who is Publishing the Entrepreneurship Research? *Journal of Management*. 23: 83-95.
- Sekaran, U. (2006). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach. 4th Edition*. Wiley-India Edition. New Delhi. India.



PTTAAUTM
PERPUSTAKAAN TUNKUTERMINAH

- Souitaris, V. Zerbinati, S. & Al-Laham, A. (2007). Do entrepreneurship programmes raise entrepreneurial intention of science and engineering students? The effect of learning, inspiration and resources. *Journal of Business Venturing*, 22 (4), 566-591.
- Sabitha, M. & Mohd. Na'eim, A. (2006). Improving Delivery System in Organization through Training: A Case of Sexual Harassment. *Proceedings of the the International Conference on Local Government: Enhancing Service*, Sabah.
- Segal, G., Borgia, D., & Schoenfeld, J. (2005). The motivation to become an entrepreneur. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 11(1), 42-57.
- Utusan Malaysia. 500,000 pekerjaan baru sejak RMK9. 22 Mei 2008. Dicapai pada 5/2/2012 di <http://www.utusanonline.com>
- Utusan Malaysia. Tabung Usahawan Siswazah kurang dapat sambutan. 18 Mei 2008. Dicapai pada 5/2/2012 di <http://www.utusanonline.com>
- Utusan Malaysia. Kerjasama lahirkan usahawan teknologi CCTV. 22 Januari 2008. Dicapai pada 5/2/2012 di <http://www.utusanonline.com>
- Utusan Malaysia. Pelajar IPTA wajib ambil subjek keusahawanan. 2 Julai 2007. Dicapai pada 5/2/2012 di <http://www.utusanonline.com>
- Utusan Malaysia. 17 universiti bantu lahir usahawan siswazah. 26 April 2005. Dicapai pada 5/2/2012 di <http://www.utusanonline.com>
- Wiersma, W. dan Stephen G. J. (2005). *Research Method In Education: An Introduction*. Pearson. Toledo, New York. 2005.
- Xiang, L. (2009), *Entrepreneurial Competencies as an Entrepreneurial Distinctive: An Examination of the Competency Approach in Defining Entrepreneurs*. Singapore Management University : Tesis Sarjana.
- Yusof, Mohar. Abdul Samad, Z. Hassan, F. Md. Darus, Z. Mohammad M. F. dan Zaharim A. (2008). *Academic Entrepreneurship and Innovation in Higher Education: An Integrated Framework for Malaysian Universities*. Advanced Educational Technologies Centre. Universiti Teknologi Mara.



PTT A U T M
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH